

Teknik Pengubahsuaian dalam Terjemahan Intralingual Diakronik Manuskrip Melayu 'Hikayat Abdullah'

(Adjustment Technique in Diachronic Intralingual Translation of the Malay Manuscript of 'Hikayat Abdullah')

Nurul Maisarah Abd Rahman¹, Aiza Maslan @ Baharudin²
Kasyfullah Abd Kadir³, Idris Mansor^{4*}

¹Bahagian Pengajian Terjemahan dan Interpretasi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800, Pulau Pinang, Malaysia.

Email: maisarahrahman25@gmail.com

²Bahagian Falsafah dan Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800, Pulau Pinang, Malaysia.

Email: aizamaslan@usm.my

³Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu, 21300, Terengganu, Malaysia.

Email: kasyfullah.kadir@umt.edu.my

⁴Bahagian Pengajian Terjemahan dan Interpretasi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800, Pulau Pinang, Malaysia.

Email: idrismansor@usm.my

ABSTRAK

Makalah ini menyetengahkan perbincangan mengenai penggunaan teknik pengubahsuaian seperti yang dicadangkan oleh Nida pada tahun 1964 yang diaplikasikan dalam terjemahan intralingual diakronik terhadap manuskrip Melayu 'Hikayat Abdullah' (Abdullah Abdul, 1849). Tujuan utama terjemahan intralingual diakronik adalah untuk menghasilkan sebuah teks yang lebih bersifat kontemporari kepada pembaca sasaran. Terdapat banyak teknik yang sesuai diaplikasikan dalam terjemahan intralingual diakronik bergantung kepada ciri-ciri bahasa Melayu klasik itu sendiri. Walau bagaimanapun, kajian ini bertujuan untuk mencerakan teknik pengubahsuaian yang berlaku dalam terjemahan manuskrip Melayu 'Hikayat Abdullah' (Hamzah, 2007) daripada bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu moden berlandaskan ciri-ciri bahasa Melayu klasik. Bagi tujuan tersebut, kajian ini dijalankan dengan mengaplikasikan pendekatan kualitatif yang menjurus kepada bentuk analisis secara deskriptif. Dapatan kajian mendapati bahawa teknik pengguguran dan teknik pindaan lebih kerap digunakan bagi ayat yang panjang dan berulang-ulang, ayat yang banyak menggunakan kata pangkal ayat, dan ayat yang banyak mengandungi partikel pun dan lah.

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Idris Mansor

(idrismansor@usm.my)

KATA KUNCI:

Terjemahan intralingual diakronik

Teknik pengubahsuaian Manuskrip Melayu

Hikayat Abdullah

Bahasa Melayu klasik

Bahasa Melayu moden

KEYWORDS:

Diachronic intralingual translation

Adjustment technique

Malay manuscript

Hikayat Abdullah

Classical Malay

Modern Malay

CITATION:

Nurul Maisarah Abd Rahman et al. (2023).

Teknik Pengubahsuaian dalam Terjemahan Intralingual Diakronik Manuskrip Melayu

ABSTRACT

This paper discusses the application of adjustment

'Hikayat Abdullah'. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(10), e002577.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i10.2577>

technique as proposed by Nida in 1964 on diachronic intralingual translation of the Malay manuscript of '*Hikayat Abdullah*' (Abdullah Abdul, 1849). The aim of the diachronic intralingual translation is to make the text more contemporary to the readers. There are many techniques which are suitable to be applied in diachronic intralingual translation depending on the characteristics of the Malay classical language itself. However, this article analyzes the application of adjustment technique in the translation of the Malay manuscript of '*Hikayat Abdullah*' (Hamzah, 2007) from the Malay classical language to the Malay modern language in accordance with characteristics of the Malay classical language. For that purpose, this study was conducted using qualitative methodology, specifically descriptive analysis. The study found out that subtraction technique and alterations technique was more often used for long and repetitive sentences, sentences that consists of some preposition words (function words), and sentences that consists of many particles *pun* and *lah*.

Sumbangan/Keaslian: Sumbangan utama kajian dalam bidang pengajian penterjemahan ini ialah melalui pencerakinan teknik pengubahsuaian yang digunakan oleh penterjemah dalam menterjemahkan manuskrip '*Hikayat Abdullah*' daripada bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu moden.

1. Pengenalan

Dalam bidang terjemahan, (Jakobson, 1959/2004) telah membahagikan terjemahan kepada tiga jenis, iaitu (i) terjemahan intralingual, (ii) terjemahan interlingual dan (iii) terjemahan intersemiotik. Beliau menambah lagi bahawa terjemahan intralingual bermaksud terjemahan yang dilakukan dalam bahasa yang sama atau serumpun, yang bentuknya boleh terdiri daripada pengungkapan semula atau parafrasa atau pentafsiran lambang verbal dengan makna lambang yang lain dalam bahasa yang sama (Jakobson, 1959/2004). Secara khusus, penerapan terjemahan intralingual tersebut dapat dilihat dalam kehidupan seharian masyarakat Malaysia yang mempunyai banyak dialek atau bahasa serumpun (Muhammad Bazli & Goh, 2018).

Terdapat beberapa jenis terjemahan intralingual yang antaranya dikenali sebagai terjemahan intralingual diakronik. Menurut Gottlieb (2008: 45), terjemahan diakronik merujuk kepada perbezaan zaman antara teks. Terjemahan ini sangat relevan terhadap teks yang melibatkan dimensi masa, tambahan lagi apabila teks lama lebih sukar untuk dibaca berbanding dengan teks yang telah diterjemahkan dalam bahasa yang lebih moden (Gottlieb, 2008: 55). Selain itu, tujuan utama terjemahan jenis ini adalah untuk menghasilkan sebuah teks yang lebih bersifat kontemporari kepada pembaca sasaran (Maat, 2021: 196).

Dengan beberapa takrifan yang telah dinyatakan, hal ini jelas menunjukkan bahawa proses pemindahan mesej daripada bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu moden menerusi manuskrip Melayu digelar sebagai terjemahan intralingual. Untuk itu, dalam konteks karya '*Hikayat Abdullah*' (Hamzah, 2007), terjemahan intralingual diakronik digunakan untuk menjadikan teks terjemahan tersebut lebih mudah difahami dan sesuai dengan pembaca kontemporari. Hal ini membolehkan warisan budaya dan intelektual

yang terkandung dalam karya ini terus hidup dan dapat diwarisi kepada generasi yang akan datang.

Manuskrip Melayu 'Hikayat Abdullah' (Abdullah Abdul, 1849) merupakan sebuah karya yang bersifat autobiografi, mengisahkan pengembaraan seorang penulis terkenal bernama Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi. Karya ini selesai dikarang pada tahun 1845 dan pertama kali diterbitkan pada tahun 1849. Manuskrip 'Hikayat Abdullah' (Abdullah Abdul, 1849) mempunyai 441 halaman yang mengandungi kisah-kisah yang menarik. Pada tahun 2007, karya ini telah diterbitkan dengan menggunakan bahasa Melayu moden hasil selenggaraan Hamzah (2007) oleh PTS Publication & Distributions Sdn Bhd yang mengandungi 400 halaman. Gaya penulisan Abdullah dalam 'Hikayat Abdullah' (Abdullah Abdul, 1849) sangat unik dan menarik. Berbeza dengan karya-karya sastera Melayu klasik lain yang lazimnya mengandungi elemen fantasi dan cerita legenda, 'Hikayat Abdullah' (Abdullah Abdul, 1849) lebih bersifat realistik, yang masih lagi menggunakan bahasa Melayu klasik (Mardiana, 2013: 7).

Menurut Asmah (1993: 386), bahasa Melayu klasik muncul pada sekitar abad ke-14 hingga abad ke-17, dan digunakan dalam manuskrip Melayu lama yang muncul setelah Islam menjadi agama rasmi masyarakat Melayu (Awang Sariyan, 2020: 11). Bahasa ini tersebar luas di Asia Tenggara dan menjadi bahasa lingua franca pada masa tersebut serta muncul bersama kewujudan tulisan Jawi, iaitu bahasa Melayu yang menggunakan aksara Arab pada awal abad ke-14 (Zurina & Adi Yasran, 2020: 23). Sebagai seorang pakar dalam bidang bahasa, Siti Hajar (2011) juga telah menyenaraikan beberapa ciri bahasa Melayu klasik, iaitu:

- i. Ayatnya panjang dan berulang-ulang.
- ii. Bentuk ayat pasif dan songsang lazim digunakan.
- iii. Menggunakan gaya bahasa istana.
- iv. Menggunakan kosa kata klasik.
- v. Banyak menggunakan kata pangkal ayat.
- vi. Banyak menggunakan partikel *pun* dan *lah*.
- vii. Menggunakan aksara Jawi.
- viii. Menerima pelbagai jenis kosa kata Arab dan Parsi.
- ix. Frasa dan ayat pengaruh Arab.
- x. Mengandungi unsur-unsur falsafah Islam.

Walaupun begitu, makalah ini hanya akan membincangkan teknik pengubahsuaian yang berlaku terhadap 3 ciri bahasa Melayu klasik, iaitu:

- i. Ayatnya panjang dan berulang-ulang.
- ii. Banyak menggunakan kata pangkal ayat.
- iii. Banyak menggunakan partikel *pun* dan *lah*.

1.1. Permasalahan Kajian

Fu Congcong (2016) mendakwa bahawa antara isu dan cabaran dalam menterjemahkan teks kesusasteraan Melayu klasik ialah aspek bahasa Melayu klasik itu sendiri yang terdiri daripada perkataan, istilah, struktur ayat dan gaya bahasa yang berbeza daripada bahasa Melayu moden, selain unsur-unsur yang dibawa bersama dalam karya klasik yang melibatkan bahasa asing seperti bahasa Arab, bahasa Parsi dan bahasa Sanskrit (Fu Congcong, 2016: 109).

Seiring dengan dakwaan Fu Congcong, Idris (2017) menegaskan bahawa antara faktor kesulitan untuk memahami isi kandungan teks kesusasteraan manuskrip Melayu lama ialah bahasa Melayu lama yang digunakan berbeza lenggok bahasanya daripada bahasa Melayu moden. Antaranya melibatkan penggunaan kata permulaan ayat, struktur ayat lama, penggunaan leksikal lama dan unsur pemulukan, iaitu perbuatan menyembah dan menyanjung raja.

Keadaan ini menyebabkan generasi muda pada masa ini semakin hari semakin tidak berminat dengan karya klasik Melayu (Muhammad Bazli & Goh, 2018). Bagi mengatasi masalah ini, antara jalan keluar yang terbaik ialah melalui aktiviti terjemahan intralingual diakronik, iaitu menggantikan bahasa Melayu lama yang ditulis dalam tulisan Jawi dengan struktur bahasa Melayu moden yang menggunakan tulisan Rumi. Melalui usaha ini, beberapa teknik boleh diaplikasikan dalam terjemahan intralingual diakronik yang antaranya dikenali sebagai 'Teknik Pengubahsuaian'. Untuk itu, objektif makalah ini adalah untuk mencerakinkan teknik pengubahsuaian yang digunakan oleh penterjemah dalam menterjemahkan manuskrip 'Hikayat Abdullah' (Abdullah Abdul, 1849) daripada bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu moden.

1.2. Objektif Kajian

- i. Mengklasifikasikan ciri-ciri bahasa Melayu klasik dalam manuskrip 'Hikayat Abdullah' (Abdullah Abdul, 1849).
- ii. Mengenal pasti padanan ciri-ciri bahasa Melayu klasik tersebut dalam teks terjemahan 'Hikayat Abdullah' (Hamzah, 2007).
- iii. Mencerakinkan teknik pengubahsuaian yang digunakan oleh penterjemah dalam menterjemahkan ciri-ciri bahasa Melayu klasik tersebut ke dalam bahasa Melayu moden.

2. Sorotan Literatur

Kajian tentang terjemahan intralingual seperti '*Restricted Translation of Historical Dutch Text*' oleh Maat (2021) berpusar pada pendekatan terjemahan diakronik terhadap teks bersejarah dalam bahasa Belanda. Menurut Maat (2021: 191), penterjemah boleh mengubah aspek tatabahasa dalam teks sumber tetapi pada masa yang sama masih mengekalkan aspek leksikal dalam bahasa sejarah. Maat (2021) telah mengemukakan tiga pendekatan yang terdiri daripada: 1) *parsing*, iaitu membahagikan teks asal kepada klausa komponen, 2) anjakan klausa (*clausal shift*), iaitu mengubah klausa kepada ayat yang lebih pendek, dan 3) anjakan modal (*modal shift*), iaitu menyelesaikan beberapa isu tatabahasa khusus dalam sejarah bahasa Belanda.

Namun, walaupun pendekatan yang diketengahkan oleh Maat (2021) boleh memberi inspirasi kepada penterjemah dalam bidang ini, berkemungkinan juga pendekatan yang diperlukan adalah berbeza kerana melibatkan bahasa sumber yang berbeza. Wan Abdul dan Idris (2019: 274) menegaskan bahawa tidak semestinya pendekatan terjemahan yang digunakan adalah sama sepenuhnya waima sesebuah teks berada dalam corak yang sama kerana setiap teks mempunyai identitinya yang tersendiri.

Selain itu, dalam kajian Muhammad Bazli dan Goh (2018), penulis memberi tumpuan pada pencerakinkan anjakan terjemahan leksikal dan struktur ayat yang berlaku dalam penterjemahan 'Hikayat Bayan Budiman' daripada bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu moden. Beberapa kaedah perterjemahan dimanfaatkan termasuklah

netralisasi, pengguguran dan penstrukturan semula. Menurut [Muhammad Bazli dan Goh \(2018\)](#), biasanya laras bahasa Melayu klasik banyak menggunakan kata penguat yang berderetan sebelum kata adjektif seperti 'terlalu amat'. Sebaliknya, kata penguat jarang digunakan secara berturutan dalam laras bahasa Melayu moden, tetapi hanya digunakan sama ada sebelum atau selepas kata adjektif. Maka, penterjemah mengatasi hal ini dengan melakukan prosedur penstrukturan semula, iaitu dengan mengekalkan kata adjektif dan menggugurkan kata penguat. Walau bagaimanapun, sebuah kajian dengan analisis data yang terdiri daripada teknik terjemahan terhadap beberapa ciri bahasa Melayu klasik yang lebih pelbagai wajar dilakukan.

Seterusnya, kajian tentang manuskrip Melayu 'Hikayat Abdullah' ([Abdullah Abdul, 1849](#)) seperti 'Analisis Stilistik dalam Teks Melayu Hikayat Abdullah' oleh [Md Zahril et. al \(2020\)](#) turut mengandungi analisis aspek stilistik atau gaya bahasa dalam teks Melayu klasik, iaitu 'Hikayat Abdullah' ([Abdullah Abdul, 1849](#)). Perbincangan tentang aspek gaya bahasa tersebut bertitik tolak daripada pandangan bahawa karya Abdullah Munsyi telah meninggalkan unsur seni bahasa yang tersirat dalam kesusasteraan seperti ungkapan-ungkapan yang usang dan bahasa berirama. Kajian ini mengguna pakai pendekatan tujuh makna [Leech \(1981\)](#) mengikut kesesuaian dan keperluan tertentu untuk menjana makna yang pelbagai mengikut konteks ayat. Sungguhpun begitu, kajian ini tidak melibatkan perbincangan dalam bidang terjemahan kerana hanya mengupas aspek gaya bahasa dalam manuskrip asal 'Hikayat Abdullah' ([Abdullah Abdul, 1849](#)).

Terdapat sebuah kajian yang boleh dianggap sebagai kajian rintis bagi fokus kajian yang ingin mencerakan teknik pengubahsuaian yang digunakan oleh penterjemah dalam menterjemahkan ciri-ciri bahasa Melayu klasik ke dalam bahasa Melayu moden, iaitu kajian oleh [Muhammad Bazli dan Nur Syamilah \(2019\)](#) yang bertajuk 'Prosedur Terjemahan Bahasa Istana dan Bahasa Klasik dalam Terjemahan Intralingual Hikayat Bayan Budiman'. Prosedur terjemahan bahasa istana dan bahasa klasik dalam terjemahan intralingual 'Hikayat Bayan Budiman' tersebut dibuat berdasarkan panduan pemindahan bahasa yang digagaskan oleh [Zainal Abidin \(1934\)](#). Berbeza dengan objektif kajian penulis yang berhasrat untuk mengklasifikasi ciri-ciri bahasa Melayu klasik dalam manuskrip 'Hikayat Abdullah' ([Abdullah Abdul, 1849](#)) berdasarkan ciri-ciri bahasa Melayu klasik yang digagaskan oleh [Siti Hajar \(2011\)](#), kajian oleh [Muhammad Bazli dan Nur Syamilah \(2019\)](#) ini tidak bersandarkan kepada ciri-ciri bahasa Melayu klasik yang digagaskan oleh sarjana secara lebih tertumpu. Selain itu, dapatan data primer dalam kajian tersebut diperoleh daripada teks asal 'Hikayat Bayan Budiman' dalam bahasa Melayu klasik, lalu pengkaji menggunakan pendekatan terjemahan komunikatif bagi menterjemahkan contoh dapatan data tersebut. Maka kajian tersebut tidak melibatkan kedua-dua jenis teks asal dalam bahasa Melayu klasik dan teks terjemahan yang sedia ada dalam bahasa Melayu moden.

Teknik pengubahsuaian telah diperkenalkan oleh [Nida \(1964\)](#). Beliau telah membahagikan teknik pengubahsuaian kepada 3 kategori, iaitu (1) teknik penambahan, (2) teknik pengguguran, dan (3) teknik pindaan. Dalam teknik penambahan, terdapat beberapa faktor yang mendorong penterjemah menggunakan teknik ini, iaitu

- i. Memperjelaskan ekspresi ellipsis bahasa sumber.
- ii. Mengelak kesamaran dalam bahasa sasaran.
- iii. Penstrukturan semula tatabahasa.
- iv. Mengubah maksud implisit kepada maksud eksplisit.
- v. Penambahan penentu hadapan dan kata atau frasa penghubung.

Teknik pengguguran pula boleh digunakan apabila terdapat pengulangan perkataan, pengulangan sesuatu rujukan khusus, serta boleh juga melibatkan pengguguran pada kata penghubung, kata peralihan, kata vokatif dan sapaan (Nida, 1964). Selain itu, tujuan teknik pengguguran digunakan dalam menterjemah teks sastera daripada bahasa lama kepada bahasa moden adalah supaya generasi muda khususnya kanak-kanak lebih mudah memahami dan berminat terhadap kandungan teks sastera tersebut (Zethsen, 2009: 803). Menurut Nik Safiah et al., (1992: 206), dalam konteks bahasa Melayu, proses pengguguran dalam binaan ayat melibatkan pengguguran unsur-unsur tertentu yang terdiri daripada 3 jenis, iaitu 1) pengguguran frasa nama sebagai subjek, 2) pengguguran frasa predikat, dan 3) pengguguran frasa nama yang mendahului frasa relatif.

Sementara teknik pindaan pula digunakan akibat daripada beberapa perubahan, iaitu:

- i. Perubahan yang disebabkan oleh perbezaan bunyi.
- ii. Perubahan yang disebabkan oleh perbezaan struktur bahasa.
- iii. Perubahan yang disebabkan ketidaksepadanan makna mesej.

3. Metod Kajian

Demi mencapai dapatan kajian yang diharapkan, kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif yang menjurus kepada bentuk analisis secara deskriptif, yang terdiri daripada kaedah pengumpulan data kajian dan analisis data kajian. Pendekatan kualitatif adalah bersesuaian dengan kajian ini yang memfokuskan kepada pengkajian secara mendalam tentang teknik dalam menterjemahkan ciri-ciri bahasa Melayu klasik ke dalam bahasa Melayu moden. Hal ini sejajar dengan pendapat Creswell (2007: 38) bahawa antara kaedah dalam pendekatan kualitatif adalah menjadikan pengkaji sendiri sebagai instrumen utama untuk mengumpul data, iaitu seperti penelitian dokumen, dan pengkaji tersebut tidak bergantung pada bahan yang diusahakan oleh pengkaji lain. Justeru, maklumat yang jitu tentang sesuatu isu biasanya tidak mampu diperoleh melainkan dengan pendekatan yang dijalankan secara kualitatif.

3.1. Pengumpulan Data Kajian

Bagi tujuan mengaplikasikan kaedah kajian kualitatif deskriptif, data dipungut melalui bahan bertulis, dan kaedah penelitian naskhah jamak dilakukan, iaitu dengan menganalisis dua buah teks. Teks tersebut ialah manuskrip 'Hikayat Abdullah' hasil tulisan Abdullah (1849), dan terjemahannya yang bertajuk 'Hikayat Abdullah' oleh Hamzah (2007). Manuskrip 'Hikayat Abdullah' (Abdullah Abdul, 1849) yang berbentuk autobiografi ini mengandungi 441 halaman, dan ditulis dalam bahasa Melayu lama yang menggunakan tulisan Jawi sebagai medium penyampaian. Sementara terjemahan 'Hikayat Abdullah' (Hamzah, 2007) pula terdiri daripada 400 halaman yang ditulis dalam bahasa Melayu moden dan menggunakan tulisan Rumi sebagai medium penyampaian.

Pemilihan teks terjemahan yang dilakukan oleh Hamzah (2007) dibuat atas beberapa faktor. Antaranya ialah karya terbitan PTS Ones Publications ini merupakan versi terjemahan yang terkini berbanding teks terjemahan yang lain, iaitu pada tahun 2007. Oleh itu, bahasa yang digunakan juga lebih moden dan kontemporari serta lebih dekat dengan pembaca kerana struktur ayat yang digunakan lebih mudah difahami.

Data dikumpulkan melalui pengenalpastian ciri-ciri bahasa Melayu klasik yang terdapat dalam teks sumber dengan berdasarkan model ciri-ciri bahasa Melayu klasik oleh [Siti Hajar \(2011\)](#), dan kemudiannya mengenal pasti padanan dalam teks terjemahan.

3.2. Analisis Data Kajian

Setelah selesai proses pengumpulan data, pengkaji mencerakin teknik pengubahsuaian yang digunakan oleh penterjemah dalam menterjemahkan ciri-ciri bahasa Melayu klasik tersebut ke dalam bahasa Melayu moden. Data teks sumber yang dikenal pasti telah dipetakan dengan data teks terjemahan bagi menganalisis teknik terjemahan yang digunakan.

Sebagai tambahan, analisis teks yang dijalankan ini turut menggunakan kaedah induktif iaitu pengkaji mengumpulkan maklumat dan data khusus daripada kedua-dua buah teks yang dipilih, lalu dianalisis untuk menghasilkan satu kesimpulan umum.


4. Hasil Kajian

Analisis terhadap data-data yang dikenal pasti daripada teks sumber dan teks sasaran 'Hikayat Abdullah' ([Abdullah Abdul, 1849](#)) dan 'Hikayat Abdullah' ([Hamzah, 2007](#)) mendapati teknik pengubahsuaian diaplikasikan seperti dalam perbincangan berikut:

4.1. Ayat Panjang Dan Berulang-Ulang

[Jadual 1](#) menunjukkan teknik pindaan yang telah digunakan dalam teks terjemahan bagi menghasilkan ayat yang lebih moden dan mudah difahami. Frasa 'Ketakutanlah aku' dikategorikan sebagai ayat songsang. Oleh itu, untuk memurnikan ayat, penterjemah melakukan perubahan pada penggunaan imbuhan apitan daripada ke-...-an, kepada me...-kan.

Jadual 1: Teknik Pindaan dan Teknik Pengguguran

TEKS SUMBER	TRANSLITERASI TEKS SUMBER	TEKS TERJEMAHAN
 <p>Sumber: Abdullah Abdul (1849: 3)</p>	<p>Ketakutanlah aku akan diriku sebab kudengar dan kulihat kecualinya kebanyakan pula orang yang mengaku dirinya pada zaman ini pandai dan cakupnya pun berlebih-lebihan sampai dipercaya orang akan dia pandai tetapi cakap angin sahaja.</p>	<p>Apa yang lebih menakutkan aku, ramai orang yang mengaku dirinya pandai dan cakupnya berlebih-lebihan, tetapi kosong belaka.</p> <p>Sumber: Hamzah (2007: 1)</p>

Selain itu, teknik pengubahsuaian pada klausa 'Ketakutanlah aku akan diriku sebab kudengar dan kulihat' juga telah digunakan dengan menggugurkan pengulangan kata ganti nama singkat 'ku', serta perkataan 'kudengar' dan 'kulihat' bagi menghasilkan ayat

yang lebih ringkas, namun masih tidak melenyapkan mesej penting daripada teks sumber.

Seterusnya, pengulangan perkataan 'pandai', iaitu frasa adjektif telah digugurkan. Pengulangan tersebut amat biasa berlaku dalam penulisan manuskrip Melayu klasik sebagai penekanan atau penegasan terhadap sesuatu hal, namun mungkin janggal dalam struktur ayat bahasa Melayu moden. Selain itu, klausa 'sampai dipercayai orang akan dia pandai' turut dilenyapkan dalam teks terjemahan, bagi mengelakkan berlakunya unsur lewah dalam teks terjemahan.

Dalam [Jadual 2](#) ini, penterjemah telah menggugurkan pengulangan perkataan 'maka', iaitu penanda wacana yang berfungsi sebagai kata penghubung. Walau bagaimanapun, fungsinya boleh digantikan dengan penggunaan tanda baca seperti tanda noktah (.) dan tanda koma (,).


Jadual 2: Teknik Pengguguran dan Teknik Pindaan

TEKS SUMBER	TRANSLITERASI TEKS SUMBER	TEKS TERJEMAHAN
 <p>Sumber: Abdullah Abdul (1849: 14)</p>	<p>Maka adalah rumahku itu berhadapan dengan rumah tempat Tuan itu tinggal maka sehari-hari ia mendengar bondaku menangis maka disuruhnya panggil bapaku diperiksanya akan hal bondaku itu duduk menangis-nangis maka oleh bapaku diceritakannyalah segala hal anak-anaknya habis mati.</p>	<p>Rumah bapaku berhadapan dengan rumah tempat Habib Abdullah tinggal. / Oleh kerana setiap hari dia mendengar ibuku menangis, / dipanggilnya bapaku dan bertanyakan sebab ibuku menangis. / Bapaku menceritakan mengenai kisah anak-anaknya yang meninggal dunia kesemuanya. / Sumber: Hamzah (2007:10)</p>

Di samping itu, teknik pindaan digunakan apabila penterjemah membuat pecahan daripada satu ayat yang panjang dalam teks sumber kepada beberapa pecahan klausa dan ayat dalam teks terjemahan disebabkan wujudnya jurang dan perbezaan struktur bahasa antara kedua-dua bahasa tersebut. Frasa 'diperiksanya' bersifat pasif dan kata lawannya ialah 'memeriksa'. Namun, penterjemah menggantikan perkataan tersebut kepada 'bertanyakan' yang turut membawa maksud yang sama. Hal yang sama turut berlaku terhadap frasa 'diceritakannyalah' yang digantikan dengan frasa 'menceritakan'.

[Jadual 3](#) menunjukkan pengulangan yang melampau perkataan 'dan'. Untuk itu, penterjemah telah menggugurkannya dan digantikan dengan tanda koma (,). Menurut [Nida \(1964\)](#), teknik pengguguran boleh digunakan dalam situasi yang melibatkan pengulangan yang melampau pada kata penghubung.


Jadual 3: Teknik Pengguguran dan Teknik Penambahan

TEKS SUMBER	TRANSLITERASI TEKS SUMBER	TEKS TERJEMAHAN
 <p>Sumber : Abdullah Abdul (1849: 24)</p>	<p>Sebermula maka apabila aku terkenang-kenang akan palu dan sesah dan tampar dan maki dan beberapa papan loh yang pijar di kepalaku dan rajuk dan masam muka dan tengking herdik segala guruku itu adapun satu-satu bilur rotan di atas tubuhku tatkala belajar itu sekarang ini menjadi satu suluh.</p>	<p>Apabila aku terkenangkan segala palu, sesah, tampar, maki, rajuk, masam muka, dan tengking herdik guruku, serta beberapa papan loh yang pecah di kepalaku, setiap bekas pukulan rotan pada tubuhku kini menjadi suluh.</p> <p>Sumber: Hamzah (2007: 19)</p>

Bukan itu sahaja, teknik penambahan juga dimanfaatkan oleh penterjemah bagi menjelaskan lagi maksud perkataan 'bilur'. Walaupun perkataan tersebut digantikan dengan 'bekas', namun turut disertakan dengan penambahan perkataan 'pukulan' menjadi 'bekas pukulan'. Teknik ini secara khususnya dikenali sebagai teknik penambahan objektif, iaitu penerangan fakta atau penambahan informasi fakta untuk memudahkan pemahaman pembaca ([Zethsen, 2009: 802](#)).

Jadual 4 membincangkan teknik pengguguran yang diaplikasikan pada pengulangan perkataan yang agak kerap, iaitu perkataan 'dan'.

Jadual 4: Teknik Pengguguran


TEKS SUMBER	TRANSLITERASI TEKS SUMBER	TEKS TERJEMAHAN
 <p>Sumber: Abdullah Abdul (1849: 4)</p>	<p>Sebermula adalah segala perkataan dan misal dan umpamaan itu semuanya kuambil ibarat bagi diriku.</p>	<p>Semua gambaran tersebut, menjadi bandingan kepada diriku.</p> <p>Sumber: Hamzah (2007: 2)</p>

Menurut [Idris \(2017: 254\)](#), gaya penulisan bahasa Melayu lama masih tiada lagi sistem tanda baca yang selaras dan tetap seperti tanda titik (.), tanda koma (,) dan pemerenggan. Akibatnya berlakulah pengulangan yang kerap pada sesuatu perkataan. Walau bagaimanapun, penterjemah bukan sahaja menggugurkan kata penghubung 'dan' tersebut, tetapi turut menghilangkan istilah 'perkataan', 'misal', dan 'umpamaan', lalu menyuai padan dengan satu istilah sahaja iaitu 'gambaran', bagi mengelakkan pengulangan istilah yang mempunyai maksud yang hampir sama atau lewah.

Jadual 5 menunjukkan jenis ayat yang panjang yang ditulis meleret-leret, iaitu 'maka dengan takdir Allah Taala melakukan kehendak-Nya di atas hamba-Nya' disertai dengan pengulangan kata ganti nama 'Nya'. Oleh itu, penterjemah melakukan teknik pindaan dengan menulis semula ayat menjadi ringkas dan mudah, iaitu 'Dengan izin Allah SWT'.

Hal ini sama bandingnya dengan klausa 'Hatta berapa lamanya kemudian daripada itu', yang telah diringkaskan menjadi 'tidak lama kemudian'. Pengguguran telah dilakukan pada perkataan, 'Hatta' dan frasa 'daripada itu', dan kesannya tidak akan menjejaskan mesej daripada teks sumber. Selain itu, ayat sumber 'mengandunglah bondaku akan daku' yang bersifat songsang telah dimurnikan dengan padanan teknik pindaan, lalu mengubahnya menjadi ayat biasa, iaitu 'ibuku mengandungkan aku'.


Jadual 5: Teknik Pindaan dan Teknik Pengguguran

TEKS SUMBER	TRANSLITERASI TEKS SUMBER	TEKS TERJEMAHAN
 <p>Sumber: Abdullah Abdul (1849: 14)</p>	<p>Hatta berapa lamanya kemudian daripada itu maka dengan takdir Allah Taala melakukan kehendak-Nya di atas hamba-Nya maka mengandunglah bondaku akan daku.</p>	<p>Dengan izin Allah SWT, tidak lama kemudian ibuku mengandungkan aku.</p> <p>Sumber: Hamzah (2007: 10)</p>

4.2. Penggunaan Kata Pangkal Ayat

Seterusnya, [Jadual 6](#) membincangkan teknik pengguguran yang diaplikasikan dalam terjemahan, iaitu pada kata pangkal ayat 'Syahadan'. Perkataan tersebut digugurkan bagi menghasilkan ayat yang lebih ringkas tanpa meninggalkan makna asal yang terkandung dalam teks sumber. Tambahan pula, kata pangkal ayat jarang sekali digunakan dalam bahasa Melayu moden rentetan daripada fungsi tersebut telah diambil alih oleh golongan kata tugas atau penanda wacana ([Hasuria & Rokiah, 2009: 193](#)).

Jadual 6: Teknik Pengguguran


TEKS SUMBER	TRANSLITERASI TEKS SUMBER	TEKS TERJEMAHAN
 <p>Sumber: Abdullah Abdul (1849: 2)</p>	<p>Syahadan lagi adalah halku ini timbul tenggelam dalam pekerjaan jawatanku.</p>	<p>Aku juga sibuk dalam pekerjaan harianku.</p> <p>Sumber: Hamzah (2007: 1)</p>

Tujuan teknik ini digunakan adalah supaya ayat terjemahan yang dihasilkan menepati hukum tatabahasa bahasa Melayu moden, iaitu sesuatu ayat selalunya perlu dimulakan dengan subjek ([Faridah & Norlidza, 2020: 351](#)). Seperti dalam [Jadual 6](#), subjek tersebut dimulakan dengan kata ganti diri pertama 'aku'.

[Jadual 7](#) menunjukkan penggunaan kata pangkal ayat iaitu 'Hatta' yang telah digugurkan, malah penanda wacana 'dengan hal yang demikian' juga turut dilenyapkan lalu menghasilkan ayat terjemahan berbunyi 'Pada suatu hari...'. Penulisan sedemikian merupakan ragam bahasa yang berada dalam kategori gaya cakap mulut, iaitu bahasa Melayu lisan ([Zainal Abidin, 1934](#)) namun dipindahkan dalam bentuk tulisan ([Nik Safiah, et. at, 1992: 27](#)). Proses penyusunan juga berlaku dalam ayat terjemahan yang melibatkan perubahan atau pengguguran bagi menghasilkan ayat yang gramatis ([Nik Safiah, et. at, 1992: 229](#)). Teknik pindaan pada frasa 'diberi perintah oleh yang aku


bapaku' berlaku apabila penterjemah mengubah ayat pasif kepada ayat aktif, iaitu 'bapaku memberi arahan'.

Jadual 7: Teknik Pengguguran dan Teknik Pindaan

TEKS SUMBER	TRANSLITERASI TEKS SUMBER	TEKS TERJEMAHAN
 <p>Sumber: Abdullah Abdul (1849: 35)</p>	<p>Hatta maka dengan hal yang demikian itu maka kepada suatu hari diberi perintah oleh yang aku bapaku katanya ambillah sekeping kertas dan satu tempat dakwat dan kalam.</p>	<p>Pada suatu hari, bapaku memberi arahan, "Ambil kertas, dakwat dan kalam." Sumber: Hamzah (2007: 28)</p>


Jadual 8 menunjukkan penggunaan kata pangkal ayat. Menurut [Hasuria dan Rokiah Awang \(2009: 193\)](#), jenis-jenis kata pangkal ayat biasanya mempunyai makna yang sama, dan boleh bertukar ganti tanpa menjejaskan jalan cerita atau maksud. Oleh itu, kata pangkal ayat 'arakan' telah digugurkan. Dalam ayat ini juga, penterjemah turut melakukan teknik pindaan dengan mengubah daripada ayat songsang, iaitu 'datang seorang nakhoda' kepada ayat biasa menjadi 'seorang nakhoda datang'. Selain itu, penterjemah juga mengubah satu ayat majmuk dalam teks sumber menjadi dua ayat tunggal dalam teks terjemahan dengan aplikasi sistem tanda baca, iaitu tanda noktah (.).

Jadual 8: Teknik Pengguguran dan Teknik Pindaan

TEKS SUMBER	TRANSLITERASI TEKS SUMBER	TEKS TERJEMAHAN
 <p>Sumber: Abdullah Abdul (1849: 42)</p>	<p>Arakan maka pada suatu hari datang seorang nakhoda mencari bapaku dirumah hendak membuat surat tanda tangan...</p>	<p>Pada suatu hari, seorang nakhoda datang ke rumah mencari bapaku. /Tujuannya hendak membuat surat perjanjian...</p> <p>Sumber: Hamzah (2007: 34)</p>

Jadual 9 mengandungi kata pangkal ayat 'kalakian'. Menurut [Kamus Dewan \(2010\)](#), kata pangkal 'kalakian' yang sering terkandung dalam sastera lama ini sama maksudnya dengan perkataan 'kemudian' atau 'lalu'. Sungguhpun begitu, fungsinya tidak menyumbang kepada mesej keseluruhan dalam teks sumber. Oleh yang demikian, penterjemah turut menggugurkan perkataan ini dalam teks terjemahan 'Hikayat Abdullah' ([Hamzah, 2007](#)). Penterjemah juga membuat pindaan daripada satu ayat panjang dalam teks sumber kepada dua ayat dalam teks terjemahan. Bukan itu sahaja, pindaan juga dilakukan pada ayat songsang dalam teks sumber, iaitu 'dapatlah aku mengaji dan menulis sendiri', menjadi ayat biasa dalam teks terjemahan, iaitu 'aku dapat mengaji dan menulis sendiri'.


Jadual 9: Teknik Pengguguran dan Teknik Pindaan

TEKS SUMBER	TRANSLITERASI TEKS SUMBER	TEKS TERJEMAHAN
 <p>Sumber: Abdullah Abdul (1849: 26)</p>	<p>Kalakian maka duduklah aku belajar dengan usaha maka dengan tolong Allah serta pula ada janjiku hendak mendapat itu maka dapatlah aku mengaji dan menulis sendiri akan bacaanku.</p>	<p>Aku pun teruslah belajar dan berusaha./ Dengan izin Allah dan azamku untuk mendapatkan ilmu, aku dapat mengaji dan menulis sendiri.</p> <p>Sumber: Hamzah (2007: 20)</p>

4.3. Penggunaan Partikel Pun Dan Lah

Berdasarkan [Jadual 10](#), terdapat penggunaan partikel *lah*. Dalam konteks bahasa Melayu moden, partikel *lah* berfungsi sebagai kata penegas sesuatu pernyataan, serta menjadikan ayat perintah lebih sopan ([Sulaiman & Mohd Ra'in, 2007: 85](#)), contohnya seperti "Jemputlah datang ke rumah saya petang esok". Walau bagaimanapun, penggunaan partikel *lah* dalam ayat teks sumber ini tidak menepati hukum tatabahasa Melayu moden. Untuk itu, penterjemah mengambil pendekatan menggugurkan partikel itu, serta menggantikan perkataan tersebut dengan perkataan lain, iaitu daripada 'habislah' kepada 'lama', manakala perkataan 'tersedarlah' terus digugurkan dalam teks terjemahan.


Jadual 10: Teknik Pengguguran

TEKS SUMBER	TRANSLITERASI TEKS SUMBER	TEKS TERJEMAHAN
 <p>Sumber: Abdullah (1849: 4)</p>	<p>Setelah habislah fikiranku yang demikian maka tiba-tiba tersedarlah seolah-olah dikejutkan orang akan daku daripada tidurku.</p>	<p>Setelah lama aku berfikir demikian, tiba-tiba aku seperti dikejutkan orang daripada tidur.</p> <p>Sumber: Hamzah (2007: 2)</p>

Teknik pengubahsuaian ([Nida, 1964](#)) disesuaikan dalam [Jadual 11](#) apabila melibatkan ketiga-tiga jenis teknik bagi menghasilkan ayat yang lebih lancar. Pertama, teknik pengguguran digunakan pada perkataan 'oranglah', dan 'ia pun' yang berada dalam kategori pengulangan frasa nama sebagai objek serupa dengan perkataan 'dia'. Oleh yang demikian, penterjemah menggantikan frasa nama tersebut dengan 'beliau' dan digunakan sekali sahaja dalam ayat teks terjemahan.


Kedua, teknik penambahan pada frasa 'wanita tempatan' bagi menjelaskan ayat sumber iaitu 'diperisterikan'. Penambahan frasa tersebut bertujuan untuk mengubah maksud implisit kepada maksud eksplisit, dan berlaku disebabkan penstrukturan semula ayat teks sumber. Secara langsung, teknik pindaan diaplikasikan pada ayat sumber daripada bentuk ayat pasif 'diperisterikan oranglah akan dia' kepada ayat aktif iaitu, 'beliau berkahwin dengan wanita tempatan'.

Jadual 11: Teknik Pengubahsuaian

TEKS SUMBER	TRANSLITERASI TEKS SUMBER	TEKS TERJEMAHAN
 <p>Sumber: Abdullah Abdul (1849: 6)</p>	Maka diperisterikan oranglah akan dia hatta maka ia pun mendapat empat orang anak laki-laki.	Kemudian beliau berkahwin dengan wanita tempatan, dan memperoleh empat orang anak laki-laki.
		Sumber: Hamzah (2007: 4)

Jadual 12 menunjukkan penterjemah menggunakan teknik penguguran. Partikel *lah* yang kerap digunakan dalam ayat tersebut telah digugurkan, malah terdapat perkataan yang diapit dengan partikel *lah* terus dilenyapkan. Perkataan 'bawalah' dalam teks sumber terus digugurkan dalam teks terjemahan bagi mengelakkan unsur lewah apabila perkataan 'berikan' juga membawa fungsi yang sama. Tambahan lagi, perkataan 'berjalanlah' juga digugurkan dalam teks terjemahan bagi menghasilkan ayat yang lebih ringkas, namun masih mengekalkan mesej asal, iaitu daripada 'nakhoda itu pun berjalanlah pulang' kepada 'Nakhoda itu pun pulang.' Berbeza dengan perkataan 'masuklah' pula, hanya partikel *lah* yang digugurkan dalam teks terjemahan kerana mesej daripada perkataan 'masuk' masih perlu dikekalkan.

Jadual 12: Teknik Penguguran


TEKS SUMBER	TRANSLITERASI TEKS SUMBER	TEKS TERJEMAHAN
 <p>Sumber: Abdullah Abdul (1849: 44)</p>	Ini surat nakhoda bawalah berikan kepada tempat nakhoda berhutang ini maka nakhoda itu pun berjalanlah pulang maka bapaku pun masuklah dengan tersenyum-senyum simpul lakunya maka bondaku pun bertanya apa yang tersenyum..	"Boleh pakai surat ini. Nakhoda berikan surat ini kepada saudagar tempat nakhoda berhutang." Nakhoda itu pun pulang. Bapaku pun masuk dengan tersenyum simpul. Ibu bertanya, "Kenapa tersenyum"
		Sumber: Hamzah (2007: 35)

Beralih kepada partikel *pun*, hanya pada klausa 'bondaku pun bertanya' yang digugurkan partikel *pun* menjadi 'Ibu bertanya'.

Berdasarkan [Jadual 13](#), klausa yang mengandungi partikel *lah*, iaitu 'Adapun sebab itulah' terus digugurkan dalam teks terjemahan 'Hikayat Abdullah' ([Hamzah, 2007](#)). Begitu juga dengan klausa seterusnya, iaitu 'demikianlah hendak kujual pun mahal' yang terdiri daripada partikel *lah* dan *pun*, turut dihilangkan dalam teks terjemahan melalui teknik pindaan, apabila perkataan 'hendak' telah digantikan dengan 'akan', manakala partikel *pun* yang berfungsi sebagai kata penegas dalam ayat sumber, dipadankan dengan perkataan seerti yakni 'juga'. Tujuan penggantian padanan perkataan *pun-juga*

tersebut adalah untuk disesuaikan dengan ayat terjemahan yang telah diubah strukturnya daripada 'kujual pun mahal' kepada 'kujual mahal juga'.

Jadual 13: Teknik Pengguguran dan Teknik Pindaan

TEKS SUMBER	TRANSLITERASI TEKS SUMBER	TEKS TERJEMAHAN
 <p>Sumber: Abdullah Abdul (1849: 37)</p>	<p>Adapun sebab itulah bagaimana kubeli mahal demikianlah hendak kujual pun mahal</p>	<p>Bagaimana kubeli mahal, akan kujual mahal juga. Sumber: Hamzah (2007: 29)</p>

Sebagai rumusan, teknik pengubahsuaian yang digunakan oleh penterjemah manuskrip 'Hikayat Abdullah' ([Hamzah, 2007](#)) ini berfungsi demi menyampaikan mesej yang berkesan dan lebih dekat kepada pembaca sasaran kini. Berdasarkan dapatan, teknik pengguguran lebih kerap digunakan dalam menterjemah ketiga-tiga ciri bahasa Melayu klasik, beserta dengan beberapa pindaan dalam keseluruhan ayat contoh. Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati bahawa penggunaan kata pangkal ayat dalam teks sumber terus dihilangkan dalam teks terjemahan bagi mengekalkan laras bahasa Melayu moden dalam teks terjemahan.

5. Kesimpulan

Kajian ini berpaksikan kepada pencerakinan teknik pengubahsuaian oleh [Nida \(1964\)](#), yang digunakan oleh penterjemah teks 'Hikayat Abdullah' ([Hamzah, 2007](#)) dalam menterjemahkan beberapa ciri bahasa Melayu klasik yang dicadangkan oleh [Siti Hajar \(2011\)](#) daripada bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu moden. Kajian ini bersandarkan kepada pendekatan kualitatif yang menjurus kepada bentuk analisis secara deskriptif, yang terdiri daripada kaedah pengumpulan data kajian dan analisis data kajian. Hasilnya, pengkaji mendapati bahawa daripada tiga jenis pecahan teknik pengubahsuaian tersebut, hanya dua teknik pengubahsuaian yang lebih cenderung diaplikasikan dalam menterjemahkan ciri-ciri bahasa Melayu klasik, iaitu ayat panjang dan berulang-ulang, kata pangkal ayat, dan partikel *pun* dan *lah*, iaitu teknik penguguran dan teknik pindaan.

Secara keseluruhannya, pengkaji berharap kajian ini dapat membentangkan sebahagian daripada teknik yang ada khusus dalam pendekatan terjemahan intralingual diakronik terhadap manuskrip Melayu bagi membantu penterjemah ketika berhadapan teks seperti ini. Usaha ini secara tidak langsung dapat memberi sumbangan dalam bidang pengajian terjemahan.

Akhir sekali, diharapkan juga kajian ini mampu memberi nafas baharu kepada karya kesusasteraan alam Melayu yang kaya dengan nilai dan mesejnya melalui penganalisisan terhadap kedua-dua versi manuskrip Melayu 'Hikayat Abdullah' ([Abdullah Abdul, 1849](#)) dan 'Hikayat Abdullah' ([Hamzah, 2007](#)) ini. Selaras dengan hal itu, pengkaji juga berpandangan agar teknik yang dibentangkan ini dipopularkan khusus dalam bidang penterjemahan intralingual sebagai silibus latihan penterjemahan.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada penyelia yang telah banyak memberi tunjuk ajar dalam menghasilkan kajian ini. Selain itu, terima kasih juga kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti Sains Malaysia melalui Geran FRGS dengan kod FRGS/1/2020/SS10/USM/02/12 atas penajaan dana dalam menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian ini merupakan hasil penyelidikan di bawah tajaan Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti Sains Malaysia melalui Geran FRGS dengan kod FRGS/1/2020/SS10/USM/02/12.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis mengakui bahawa tiada sebarang konflik kepentingan wujud antara semua pihak yang telah terlibat dalam kajian ini.

Rujukan

- Abdullah Abdul Kadir Munsyi. (1849). *Hikayat Abdullah*. The British Library Board and the National Library Board of Singapore.
- Asmah Omar. (1988). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan & Abdul Rasid Jamian. (2020). Sumbangan Manuskrip Melayu Lama kepada Peradaban Bangsa. *PENDETA. Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2), 7-17.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2017). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches (4th ed.)*. SAGE Publications, Inc.
- Faridah Nazir & Norlidza Wan Mohd Zain. (2020). Bahasa Melayu Klasik dan Bahasa Melayu Moden: Suatu Analisis Morfologi. Dalam Junaini Kasdan, Ros Mahwati Ahmad Zakaria, Muhamad Shafiq Mohd Ali, Sri Yanti Mahadzir & Suhaini Md Noor, *Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Alam Melayu 2020* (hlm. 339-357). Selangor: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fu Congcong. (2016). Prinsip Penterjemahan Tradisional China dalam Penterjemahan *Sulalat alSalatin*. Dalam Goh Sang Seong, *Isu-Isu dalam Terjemahan Karya Sastera* (hlm. 103-120). Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Gottlieb, H. (2008). Multidimensional Translation. Dalam A. Schjoldager (Ed.), *Understanding Translation* (hlm. 39-65). Systime Academic.
- Hamzah Hamdani. (2007). *Hikayat Abdullah*. Selangor: PTS Publication & Distributions Sdn Bhd.
- Hasuria Che Omar & Rokiah Awang. (2009). *Kelestarian Bidang Penterjemahan*. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Idris Mansor. (2017). Cabaran Dan Pendekatan Penterjemahan Intralingual Jawi Kepada Rumi Undang-Undang Adat Negeri Kedah. *Journal of Nusantara Studies*, 2(2), 251-263.
- Jakobson, R. (1959/2004). On linguistic aspects of translation. Dalam Venuti, L. (ed.), *The Translation Studies Reader, second edition* (hlm. 180-192). New York: Routledge.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Leech, G. N. (1981). *Semantics: The study of meaning*. Second Edition. Middlesex: Penguins Book Limited, Haarmondsworths.
- Maat, H. (2021). Restricted Translation of Historical Dutch Text. *Journal of Variants*, 15(16), 191-211.
- Mardiana Nordin. (2013). Proses dan Kesan Kemasukan British ke Singapura 1819: Catatan Abdullah Abdul Kadir Munshi dalam Hikayat Abdullah. *Jurnal Sejarah*, 22(2), 1-33.
- Md Zahril Nizam Md Yusoff, Darwalis Sazan, Noriah Mohamed & Mohd Najib Abdul Rahim. (2020). Analisis Stilistik dalam Teks Melayu Hikayat Abdullah. *Jurnal Melayu*, 19(1), 54-74.
- Muhammad Bazli Mahmood & Goh Sang Seong. (Oktober 2018). Terjemahan Intralingual: Anjakan Terjemahan Dalam Penterjemahan Hikayat Bayan Budiman. *Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-16*, Crystal Crown Hotel, Petaling Jaya, Malaysia, 8-10 Ogos 2017.
- Muhammad Bazli Mahmood & Nur Syamilah Mat Said. (2019). Prosedur Terjemahan Bahasa Istana dan Bahasa Klasik dalam Terjemahan Intralingual Hikayat Bayan Budiman. *Journal of Communication in Scientific Inquiry*, 1(1), 49-58.
- Nida, A.E. (1964). *Towards a Science of Translating*. Leiden: E.J. Brill.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (1992). *Tatabahasa Dewan. Jilid 1: Ayat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2011). *Bahasa Melayu 1. Edisi Kedua*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Sulaiman Masri & Mohd Ra'in Shaari. (2007). *Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Publications.
- Zainal Abidin Ahmad. (1934). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zethsen, K. K. (2009). Intralingual Translation: An Attempt at Description. *Meta*, 54(4), 795-812.
- Zurina Abdullah & Adi Yasran Abdul Aziz (2020). Penilaian Semula Ciri Bahasa Melayu Klasik Berdasarkan Perbandingan Inskripsi. *E-Jurnal Bahasa Dan Linguistik*, 2(2) 2682-8987.
- Wan Abdul Hayyi Wan Omar & Idris Mansor (2019). Pemerhatian Terhadap Terjemahan Teks Sejarah Islam Ke Dalam Bahasa Melayu. *Journal of Nusantara Studies*, 4(2) 265-281.